

20 JUN 1999

Mahathir-Umno (Sabah)

DUA ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI PBS SERTAI UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Dua anggota dewan undangan negeri Sabah dari Parti Bersatu Sabah (PBS) -- Haji Abdul Malek Chua (Kuamut) dan Uling Tamiang (Pensiangan) -- menyertai Umno hari ini.

Kedua-dua wakil rakyat itu menyerahkan borang keanggotaan mereka kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno ke-53.

Dengan penyertaan itu, Umno Sabah kini mempunyai 26 kerusi, sekaligus menambah jumlah kerusi Barisan Nasional kepada 33 kerusi. Dewan Undangan Negeri Sabah mempunyai 48 kerusi.

Sambil menyambut baik tindakan kedua-dua pemimpin PBS itu, Dr Mahathir berkata BN sedia menerima anggota-anggota PBS untuk menyertai mana-mana parti komponen BN di Sabah.

Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Haji Sukam yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Sabah berkata Umno Sabah membuka pintu kepada mereka yang percaya dengan dasar perjuangan Umno dan BN.

Abdul Malek, yang merupakan Timbalan Presiden PBS, berkata penyertaan beliau adalah untuk menyelesaikan pergolakan politik di Sabah.

"Kita terlalu banyak bergolak, selagi itu sukar untuk kerajaan menumpukan kepada pembangunan negeri Sabah yang jauh ketinggalan," katanya.

Beliau menjangka lebih ramai wakil rakyat dan anggota PBS akan menyertai BN.

Uling pula berkata penyertaan beliau ke dalam Umno adalah secara sukarela tanpa paksaan atau sebarang janji oleh pemimpin BN.

Katanya keputusannya itu atas kesedaran bahawa Pensiangan merupakan kawasan mundur dan hanya BN yang mampu membawa kemajuan untuk rakyat di kawasan itu.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Ketua Penerangan PBS Henrynus Amin menyifatkan langkah kedua-dua anggota dewan undangan negeri itu sebagai "satu pembelotan mandat rakyat".

Beliau mendakwa bahawa mereka memungkiri ikrar kepada rakyat untuk kekal dalam parti sebelum dipilih sebagai calon pada pilihan raya negeri.

Pada pilihan raya itu, Malek menang di kawasan Kuamut, mengalahkan Datuk Joseph Sitin Saang dari BN dengan majoriti 509 undi sementara Ulin mengalahkan calon BN Allron Angin dengan 1,279 undi.

-- BERNAMA

TEAM RON